



## SIARAN MEDIA

### LTAT Tampilkan Kisah Veteran ATM Sempena Hari Pahlawan

*Sebuah Inisiatif Bagi Menghargai Pengorbanan Wira-wira Negara*

**KUALA LUMPUR, 31 JULAI 2025 –** Bersempena sambutan Hari Pahlawan 2025, Lembaga Tabung Angkatan Tentera ("LTAT") mempersembahkan sebuah video pendek istimewa bertajuk "Atuk, Apa Tu?" sebagai simbol penghargaan LTAT di atas pengorbanan para pahlawan negara yang telah berkorban demi mempertahankan kedaulatan serta keamanan Malaysia.

Video ini mengetengahkan kisah benar mengenai perjuangan Kolonel Zulkifli Dato' Hj Tahir (Bersara), veteran Rejimen Askar Melayu Diraja ("RAMD") yang kehilangan kaki kanan akibat terpijak periuk api ketika mengetuai platun peninjau Batalion Ke-9 RAMD dalam operasi menentang pengganas komunis di Gubir, Kedah pada tahun 1986. Kisah beliau menjadi simbol keberanian dan pengorbanan yang tidak pernah luntur serta merupakan satu teladan berharga yang wajar dijadikan inspirasi oleh masyarakat dalam menyemai semangat patriotisme dan cinta kepada tanah air.

Mohammad Ashraf Md Radzi, Ketua Eksekutif LTAT berkata, "Hari Pahlawan ini, kami tidak hanya mahu mengingati, tetapi mahu seluruh rakyat Malaysia merasai. Menerusi filem pendek ini, kami merakamkan penghargaan kepada mereka yang sanggup melangkah ke medan bahaya supaya kita yang lain dapat melangkah ke masa hadapan dengan aman. Kisah Kolonel Zulkifli (B) mengingatkan kita bahawa di sebalik setiap uniform, ada insan, ada keluarga dan ada masa depan yang berubah selamanya."

"Peranan LTAT bukan sekadar merancang persaraan yang mampan buat warga Angkatan Tentera Malaysia, tetapi juga memastikan legasi, maruah dan jasa mereka terus dihargai. Kami berharap video pendek ini akan menyemarakkan kesedaran rakyat Malaysia, khususnya generasi muda, tentang erti pengorbanan, semangat patriotisme dan keperluan merancang masa depan," tambah beliau.

Video ini dihasilkan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia ("ATM") dan Unit Komunikasi Startegik ("UKS"), Kementerian Pertahanan melalui Akademi Latihan Ketenteraan ("ALK") di Kem Sungai Besi Selangor dan boleh ditonton di semua platform media sosial rasmi LTAT.

Tontoni video "Atuk, Apa Tu?" di [Youtube](#).

-TAMAT-

**Mengenai Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”)**

Ditubuhkan pada Ogos 1972 di bawah Akta Tabung Angkatan Tentera (Akta 101), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (“LTAT”) adalah sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab menguruskan dana persaraan bagi pegawai dan anggota lain-lain pangkat Angkatan Tentera Malaysia (“ATM”) serta para veteran. Untuk maklumat lanjut mengenai LTAT, layari [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my).

**PERHUBUNGAN MEDIA**

**Izzat Alhadjri**

**Pengarah,**

**Ketua Komunikasi Strategik**

E-mel : izzat.alhadjri@ltat.gov.my  
No. Tel : +603- 4815 8888  
Laman web : [www.ltat.gov.my](http://www.ltat.gov.my)